



PUSPANITA

PERSATUAN SURI DAN ANGGOTA WANITA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA

Rumah PUSPANITA : JKR 5171, Jalan Hose, 50460 Kuala Lumpur .

Tel : 03-2142 1332, 03-21482625, 03-21459425 Fax :03-2144 2996

Bangunan PUSPANITAPURI : Lot PT 2280-2283, Persiaran Seri Perdana Percint 10, 65520 Putrajaya.

Tel : 03-8884 0300 Fax 03-8888 6475

Ruj. Kami : PNT.P.700-10/1(39)

Tarikh : 8 September 2014

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Tan Sri / Dato' Seri / Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan,

TAWARAN PENGIKLANAN DAN BOOTH PAMERAN SEMPENA PERSIDANGAN TAHUNAN PUSPANITA KE-2, 2014.

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa PUSPANITA Kebangsaan akan menganjurkan Persidangan Tahunan PUSPANITA Ke-2, 2014 pada **20 - 21 Oktober 2014 bertempat di De'Seri Endon, PUSPANITAPURI, Putrajaya**. Program ini akan dimulakan dengan Sesi Interaksi dan seterusnya pada hari kedua akan dimulakan dengan pembentangan kertas kerja oleh speaker jemputan daripada Perkhidmatan Awam, NGO dan sektor swasta. Seramai 1500 orang tetamu jemputan yang merupakan pegawai-pegawai kanan kerajaan, GLC, NGO serta 1000 peserta persidangan iaitu ahli PUSPANITA daripada Cawangan Kementerian dan Negeri di seluruh Malaysia dijangka akan menghadiri persidangan ini.

3. Sehubungan itu, PUSPANITA dengan rendah diri memohon jasa baik dan keikhlasan YBhg. Tan Sri / Dato' Seri / Datuk / Dato' / Datin / tuan / puan, untuk membeli paparan iklan di dalam buku program serta menyertai booth pameran sempena Persidangan Tahunan PUSPANITA Ke-2, 2014. Ianya merupakan satu peluang yang baik bagi melebarkan jaringan pemasaran yang menyeluruh.


4. Pendapatan yang diterima daripada pembelian iklan dan sewaan booth pameran adalah diambilkira sebagai sumbangan untuk merangsang pelaksanaan program dan aktiviti PUSPANITA. Hasrat murni dan jasa baik YBhg. Tan Sri / Dato' Seri / Datuk / Dato' / Datin / tuan / puan, dalam membantu Pertubuhan Bukan Kerajaan seperti PUSPANITA amatlah dihargai dan diucapkan setinggi-tinggi terima kasih.

5. Maklumat dan butiran perincian mengenai pengiklanan serta booth pameran adalah seperti di lampiran yang dikepilkan bersama sebagai rujukan YBhg. Tan Sri / Dato' Seri / Datuk / Dato' / Datin / tuan / puan. Jika terdapat sebarang pertanyaan mengenai perkara ini, sila hubungi urusetia **Cik Erma Marlina Hamsan / Pn. Hamisah Hj. Hafni / Cik Farhana Aziz** di talian **03-2142 1332 / emel ke persatuan@puspanitakebangsaan.jpm.my**.

Sekian, terima kasih.

'WANITA SEPAKAT, NEGARA MENINGKAT'

Saya yang menjalankan tugas,



(AFRIZA HANI BINTI MOHD SINON)

Setiausaha Agung PUSPANITA

b.p. Yang DiPertua PUSPANITA

s.k. Yang DiPertua
Bendahari Agung
Setiausaha Eksekutif
Pengerusi Cawangan Kementerian dan Negeri
Setiausaha Cawangan Kementerian dan Negeri